

18/07/2002

Fitnah: Kerajaan timbang ambil tindakan undang-undang

KUALA LUMPUR, Rabu - Kerajaan sedang menimbang kemungkinan mengenakan tindakan undang-undang terhadap Pas berikutan pendekatan parti pembangkang itu menggunakan fitnah bagi meraih pengundi dalam pilihan raya kecil kawasan Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit, Kedah.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Chor Chee Heung, berkata segala tindak tanduk Pas ketika berkempen jelas memperlihatkan sikap keterlaluan sehingga sanggup memalsukan fakta sebenar dengan memfitnah pemimpin negara serta akhbar arus perdana.

Sehubungan itu, beliau memberi amaran kepada parti pembangkang terbabit agar lebih berhemah serta mengamalkan budaya berkempen mengikut garis panduan yang sudah ditetapkan bagi mengelakkan sebarang tindakan undang-undang diambil terhadap parti itu.

"Saya minta Pas supaya bertanggungjawab terhadap tindakan mereka.

"Kerajaan sebenarnya boleh mengambil tindakan terhadap mereka jika didapati mereka (Pas) berterusan mengamalkan pendekatan memfitnah melalui risalah yang diedarkan jelas bertujuan menjatuhkan imej pemimpin Barisan Nasional," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas tindakan Pas yang dilihat terdesak apabila menyebar pelbagai poster, termasuk cacian dengan menyifatkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai 'Penjual Babi tak layak jadi PM (Perdana Menteri)'.  
'

Pembangkang juga menyebarkan risalah mengenai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan memaparkan tajuk 'Mahathir Paderi Gereja Besar' yang tajuk kecilnya 'Rahsia besar di sebalik mengadap Pope di Rom dan cuti di Itali'.